

Anwar tegaskan universiti wajar lahirkan siswa siswi celik ilmu pengetahuan

NGT 19.9.2019 3

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa universiti adalah sebuah gedung ilmu yang wajar melahirkan siswa siswi celik ilmu pengetahuan, berhemah tinggi, beretika dan berinformasi.

"Pendidikan adalah sesuatu yang berkaitan dengan menimba ilmu bagi menerapkan kebenaran, kerana nilai hidup manusia adalah berkaitan dengan ilmu dan etika dalam kehidupan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir dalam sesi dialog Digital Native Agenda (DNA23): Cabaran dan Tindakan Masa Depan di Universiti Malaysia Sabah pada Selasa malam.

Menurut Anwar, kerosakan yang berlaku di dunia adalah disebabkan kerana kejahilan manusia dalam membuat pertimbangan tanpa meneliti nilai dan tidak berpaksikan kepada amalan pendidikan sebenar.

"Saya percaya UMS adalah sebuah gedung ilmu yang bukan sahaja memberi impak besar kepada negeri Sabah, bahkan juga pada negara Malaysia.



KENANGAN ... Anwar (tengah) bergambar kenangan bersama siswa siswi UMS selepas sesi dialog pada Selasa malam.

"Sudah tentu siswa siswa yang ada di hadapan saya pada malam ini adalah siswa siswi yang mempunyai amalan pendidikan yang meliputi aspek-aspek celik ilmu pengetahuan, berhikmah tinggi, beretika dan berinformasi," katanya lagi.

Anwar yang juga merupakan Ahli Parlimen Port Dickson juga memberitahu bahawa usaha menuju ke arah digitalisasi memerlukan langkah awal daripada universiti.

"Jika kita nak maju dan lebih maju, sudah tentu universiti sebagai gedung ilmu adalah tempat permulaannya kerana di sini siswa siswi kita menuntut ilmu.

"Apabila digitalisasi ini sudah sebar dengan rakyat Malaysia, barulah kita mampu membantu golongan di kampung misalnya, macam golongan nelayan, yang mampu meningkatkan ekonomi mereka sendiri," katanya.

Lebih 500 pelajar hadir dalam sesi dialog


yang berlangsung selama hampir dua jam itu.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata agenda DNA23 dilihat sebagai rancangan untuk masa kini yang perlu dilakukan segera akibat daripada tekanan keperluan mendesak industri ekonomi digital.

"UMS sendiri memiliki pelajar golongan B40 dimana kita berikan peluang dan ruang sama seperti yang lain kerana kita telah menyediakan beberapa inisiatif agar golongan ini tidak dipinggirkan," katanya.

DNA23 telah dilancarkan daripada idea Anwar baru-baru ini dan bermatlamat untuk memberi fokus kepada golongan B40 dan M40.

Hadir sama semasa sesi dialog ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Parti Keadilan Rakyat Sabah Datuk Christina Liew.



PENERANGAN ... Anwar ketika berucap di majlis itu.